

BANK ISLAM PERKENAL CIRI *PAYMENT TO VOICE* DALAM APLIKASI BIMB BIZ

Sasar pertumbuhan 50% pengguna daripada segmen PKS dan perniagaan mikro dalam tempoh setahun

KUALA LUMPUR, Rabu, [10 Disember 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini melancarkan ciri *Payment to Voice* dalam aplikasi BIMB Biz, satu inovasi yang direka untuk memperkukuh pengalaman perbankan digital bagi segmen PKS dan perniagaan mikro.

Ciri *Payment to Voice* membolehkan peniaga menerima notifikasi suara masa nyata bagi setiap transaksi yang berjaya melalui DuitNow QR tanpa sebarang caj dan tanpa memerlukan peranti tambahan seperti 'soundbox'. Dengan ini, peniaga dapat mengurangkan risiko terlepas notifikasi pembayaran, menjimatkan kos operasi dan meningkatkan keyakinan terhadap pembayaran digital.

Acara perasmian telah diadakan di Pekarangan Menara Bank Islam dan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan - Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram. Menurut Mizan, "Pengenalan ciri *Payment to Voice* adalah sebahagian daripada usaha Bank Islam untuk menyediakan penyelesaian yang relevan dan inklusif kepada pelanggan kami."

Selain notifikasi suara, *Payment to Voice* membolehkan sehingga lima juruwang menerima pemberitahuan transaksi secara serentak pada peranti sedia ada, menjadikan operasi lebih telus dan teratur. Pada masa sama, pemilik perniagaan akan turut menerima kesemua pemberitahuan urusan niaga yang telah disempurnakan.

Payment to Voice tersedia untuk pengguna Android, iOS dan Huawei, memastikan akses yang meluas dan inklusif.

Dilancarkan pada Julai 2021, BIMB Biz memudahkan urusan perbankan digital perniagaan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana termasuk kutipan pembayaran pelanggan melalui QR DuitNow, pengurusan akaun dan semakan rekod transaksi secara telus, teratur dan cekap. Data transaksi yang dicatat juga membantu peniaga membina sejarah kredit yang kukuh, membuka lebih banyak peluang kepada akses perbankan pada masa depan.

Setakat Oktober 2025, BIMB Biz merekodkan kira-kira 15,000 pengguna aktif dengan amaun transaksi mencecah RM1.2 bilion. Dengan pengenalan *Payment to Voice*, Bank Islam menasaskan pertumbuhan sebanyak 50% dalam jumlah pengguna BIMB Biz dalam tempoh 12 bulan akan datang, khususnya dalam kalangan peniaga mikro seperti yang mengusahakan gerai dan warung, pasar malam, kios bazar dan amil zakat.

"Bank Islam percaya bahawa teknologi harus memudahkan urusan peniaga dan bukan menambah beban. Setiap peniaga, tanpa mengira saiz atau lokasi perniagaan mereka, berhak menikmati penyelesaian yang praktikal, selamat dan mampu milik."

"*Payment to Voice* direka untuk memenuhi keperluan sebenar pengusaha perniagaan mikro dan PKS dengan menerapkan elemen yang mengawal kos operasi, meningkatkan keselamatan dan membantu mereka merekodkan urusan niaga secara teratur. Penambahbaikan pada aplikasi BIMB Biz ini merupakan salah satu usaha kami dalam

memastikan pelanggan Bank Islam bersedia untuk menyertai dan bersaing dalam ekonomi digital,” tambah Mizan.

Untuk menikmati kemudahan terkini, pelanggan perlu memuat turun aplikasi BIMB Biz melalui Apple App Store, Google Play atau Huawei AppGallery atau mengemas kini aplikasi sedia ada. Pastikan peranti memenuhi keperluan minimum iaitu iOS 13 atau Android 10 ke atas.

Untuk maklumat lanjut berkenaan BIMB Biz atau *Payment to Voice*, sila layari laman BIMB Biz di <https://bimb.com/business/>.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.